

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON  
(IPOH BARAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2016**

**Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [ IPOH BARAT ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. sama ada pinjaman tidak berbayar (Non Performing Loans-NPL) bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah satu perkara yang amat diresahkan dan adalah satu beban terhadap negara; dan
- b. mengapakah Kerajaan masih meluluskan pinjaman dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang menghadapi krisis kewangan akibat daripada kelembapan dan kemerosotan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman tidak berbayar bagi sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) oleh institusi kewangan tidak menimbulkan kebimbangan kepada negara berdasarkan tahap pembiayaan terjejas (*impaired financing*) PKS yang kekal pada kadar yang rendah. Pada akhir 2015, kadar pembiayaan PKS yang terjejas adalah 3.2 peratus , penurunan daripada 3.5 peratus pada akhir 2014. Kadar ini tidak memberi sebarang risiko sistemik kepada sistem kewangan di negara ini.

Justeru, sokongan dari Kerajaan adalah perlu dalam terus meningkatkan keupayaan dan prestasi PKS di negara ini, terutamanya untuk perniagaan yang baru ditubuhkan yang tidak mempunyai rekod kredit. PKS kini menyumbang 35.9 peratus kepada keluaran negara kasar dan 65 peratus daripada jumlah tenaga kerja. Memandangkan kepentingan PKS dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara, adalah penting bagi usaha pembangunan usahawan untuk disokong oleh Kerajaan melalui inisiatif dan bantuan yang sewajarnya.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**

**TARIKH : 18.5.2016 (RABU)**

**SOALAN : 52**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rasional Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) kekal berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi sedangkan kuasa menempatkan graduan UPSI berada di bawah Kementerian Pendidikan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditempatkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi kerana pengambilan pelajar program pendidikan di Universiti Awam (UA) dan di UPSI khususnya adalah secara 'pasaran terbuka' di mana tiada jaminan penempatan guru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Bermula sesi akademik 2012/2013, UA telah mula melaksanakan pendekatan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dengan mode pasaran terbuka.

Graduan daripada UPSI juga boleh memasuki bidang perguruan melalui sekolah swasta dan sekolah antarabangsa yang terdapat di Malaysia dan tidak tertakluk kepada tawaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sahaja bagi penempatan di sekolah kerajaan.